



### PEMILIHAN TAMAN TASIK UTAMA SEBAGAI KAMPUS SEMENTARA KUTKM

Pada peringkat awal penubuhan KUTKM, pengoperasian pejabat sementara adalah di Institut Voltan Tinggi, Fakulti Kejuruteraan Elektrik, Universiti Teknologi Malaysia bermula Disember 2000 hingga Januari 2001. Sementara itu, pihak Kementerian Pendidikan Malaysia turut menawarkan pengoperasian sementara KUTKM di Kampus UTM, Jalan Semarak, Kuala Lumpur. Namun, setelah mempertimbangkan pelbagai aspek, pengurusan universiti telah memilih negeri Melaka sebagai lokasi pembinaan kampus sementara KUTKM.

Proses pemilihan lokasi bagi penempatan sementara kampus KUTKM pada asalnya melibatkan tujuh lokasi pilihan. Antaranya adalah A. Famosa, lot-lot kedai di Cheng, Alai, Taman Tasik Utama dan beberapa kawasan lain di Melaka.



Akhirnya pada Februari 2001, secara rasmi Taman Tasik Utama Ayer Keroh, Melaka telah dipilih sebagai kampus sementara KUTKM. Antara faktor utama pemilihan Taman Tasik Utama sebagai kampus sementara KUTKM adalah kerana lokasi yang strategik iaitu berdekatan dengan laluan keluar ke Tol Ayer Keroh. Selain itu, pemilihan lot-lot kedai di Taman Tasik Utama yang mempunyai ruang-ruang yang masih kosong dan boleh diubahsuai oleh pihak pemaju iaitu Metacorp Berhad dalam tempoh tiga bulan.



Sumber Rujukan:

- [1] Siri Perutusan Tahunan Rektor: Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (2004)
- [2] Temubual Tenaga Penggerak Utama UTeM: Profesor Datuk Dr. Mohd Ruddin bin Ab. Ghani

(Bil.2/2020)

Unit Memori Korporat, Seksyen Repositori  
 Perpustakaan Laman Hikmah, Universiti Teknikal Malaysia Melaka  
 Email: [memorikorporat@utem.edu.my](mailto:memorikorporat@utem.edu.my) | Tel: +606 - 270 1211